BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Februari 2026

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras lebih rendah pada bulan Februari

Sumbangan kepada Inflasi

Sumbangan mata peratusan %, tahun ke tahun



[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir.

[2] Kadar diskaun Mekanisme Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (Automatic Fuel Adjustment, AFA) adalah lebih rendah berbanding kadar diskaun pada bulan Januari.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

- Pada bulan Februari, inflasi keseluruhan dan inflasi teras[1] masing-masing menurun kepada 1.4% (Januari 2026: 1.6%) dan 2% (Januari 2026: 2.3%).
- Penurunan inflasi keseluruhan didorong terutamanya oleh inflasi teras yang mereda, termasuk inflasi yang lebih rendah bagi perkhidmatan penstriman dan sewaan.
- Sebahagian daripada penurunan ini diimbangi oleh tekanan menaik daripada harga perkhidmatan komunikasi mudah alih dan elektrik.[2]

Segmen eksport dan domestik mendorong pertumbuhan perkilangan yang lebih tinggi

Indeks Pengeluaran Industri (IPI) Perkilangan

Perubahan tahunan, sumbangan mata peratusan (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- Indeks Pengeluaran Industri Perkilangan mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 7.3% pada bulan Januari 2026 (Disember 2025: 6.7%).
- Kelompok berorientasikan eksport berkembang sebanyak 7.8% (Disember 2025: 7.5%), didorong terutamanya oleh subsektor elektrik dan elektronik (E&E) serta jentera dan peralatan.
- Pertumbuhan kelompok berorientasikan dalam negeri pula mengukuh kepada 6.4% (Disember 2025: 5.2%), disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi produk pemprosesan makanan dan bahan berkaitan pembinaan seperti logam yang direka.

Pertumbuhan kredit kepada sektor swasta bukan kewangan kekal mampan

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan



[1] Terdiri daripada pinjaman bagi pembelian harta bukan kediaman, harta kediaman bagi kegunaan perniagaan, aset tetap serta aktiviti pembinaan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

- Kredit kepada sektor swasta bukan kewangan berkembang sebanyak 5.6% (Januari 2026: 5.5%), didorong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pinjaman perniagaan terkumpul (4.6%; Januari 2026: 4%).
- Peningkatan pertumbuhan pinjaman perniagaan disokong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi bagi pinjaman modal kerja dan pinjaman berkaitan pelaburan[1] merentas segmen PKS dan bukan PKS. Mengikut sektor, pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi dicatatkan oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan.
- Pertumbuhan bon korporat dan pinjaman isi rumah secara keseluruhannya kekal stabil, masing-masing pada 7.4% dan 5.5% (Januari 2026: masing-masing 7.6% dan 5.6%).

Penampan aset mudah tunai bank-bank kekal mencukupi untuk menghadapi kemungkinan kejutan mudah tunai

Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Sistem perbankan terus mencatatkan penampan aset mudah tunai yang kukuh dengan agregat Nisbah Perlindungan Mudah Tunai sebanyak 149.4% (Januari 2026: 152.3%).

Kualiti aset bank-bank kekal kukuh



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Nisbah pinjaman terjejas kasar terus stabil pada 1.4%, manakala nisbah pinjaman terjejas bersih meningkat sedikit kepada 1% (Januari 2026: 0.9%).
- Nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan) terus berada pada tahap berhemat sebanyak 124.7% daripada pinjaman terjejas kasar (Januari 2026: 125.9%).

Pasaran kewangan domestik sebahagian besarnya dipengaruhi oleh perkembangan dan ketidakpastian global



Nota: Data kadar pertukaran ialah kadar pada pukul 12.00 tengah hari di Pasaran Tukaran Asing Antara Bank Kuala Lumpur.
[1] NEER merujuk kadar pertukaran efektif nominal yang mengukur pergerakan ringgit berbanding kumpulan mata wang rakan dagangan utama Malaysia.
[2] Negara serantau terdiri daripada Singapura, Thailand, Filipina, Indonesia dan Korea.
Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia dan Bloomberg

- Pasaran kewangan global dipengaruhi oleh ketidakpastian yang kembali meningkat berhubung dengan tarif Amerika Syarikat (AS) serta ketegangan geopolitik yang semakin memuncak di Timur Tengah.
- Dalam persekitaran perkembangan global ini, ringgit menambah nilai sebanyak 1.5% berbanding dolar AS (NEER:[1] 1%; purata serantau:[2] 0.8%), berikutan data KDNK yang kukuh pada bulan itu, sekali gus meningkatkan sentimen pasaran.
- Indeks FBM KLCI menurun sebanyak 1.4% (purata serantau:[2] 8%) berikutan jualan bersih oleh pelabur institusi domestik. Sementara itu, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10 tahun kekal stabil dengan penurunan kecil sebanyak 2 mata asas (purata serantau:[2] -11 mata asas), apabila aliran keluar pelabur bukan pemastautin diimbangi oleh permintaan kukuh daripada pelabur domestik.